



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 29 OGOS 2024 (KHAMIS)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MPAJ	• CAR DISPOSAL SERVICE
		DBKL	• DRAWING FROM BUDGET INPUT
2.	UTUSAN MALAYSIA	DBKL	• DATUK BANDAR MINTA DBKL, IWK PERIKSA PAIP KUMBAHAN

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• EPF: 635 DIRECTORS BARRED FROM LEAVING MALAYSIA
2.	SINAR HARIAN	• PELESENAN MEDIA SOSIAL KEKAL 1 JANUARI 2025 • TAWAR HADIAH LUMAYAN KEPADA RAKYAT • FENOMENA TANDAS AWAM DUA DARJAT • SOSIOEKONOMI TEREJAJIS JIKA MEDIA SOSIAL TIDAK BEROPERASI • BAYAR BALIK JIKA LEWAT LIMA JAM
3.	HARIAN METRO	• 13,820 MAJIKAN GAGAL BAYAR CARUMAN PEKERJA
4.	KOSMO	• PELUANG KENALI SEJARAH PEMERINTAHAN SELANGOR • PERSEDIAAN MENONTON PERARAKAN MERDEKA • MATRADE OPTIMIS KOLABORASI PERKUKUH TEKNOLOGI AI • BANTU BINA EKONOMI LEBIH ADIL
5.	BERITA HARIAN	• 635 PENGARAH KENA SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA
6.	UTUSAN MALAYSIA	• GAJI NAIK: CABARAN PENJAWAT AWAM BAIKI PERKHIDMATAN • RUKUN NEGARA TIANG SERI PERPADUAN NEGARA • 17,000 PESERTA MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN • BAYAR BALIK HARGA TIKET • 1,000 SYARIKAT DI SELANGOR BELUM LUNAS ZAKAT PERNIAGAAN
7.	NEW STRAITS TIMES	• SELF-REGULATION A FLAWED IDEA • GIVE PUBLIC ACCESS TO DEVELOPMENT INFO • CONSUMERS NEED BETTER PROTECTION • REFUND OPTION FOR FLIGHT DELAYS
8.	THE SUN	• 757 ABANDONED HOUSING REHABILITATED • 635 COMPANY DIRECTORS BARRED FROM LEAVING COUNTRY • ERADICATING GRAFT CRITICAL FOR NATION, SAYS MACC CHIEF

Drawing from budget input

Over 2,000 responses received via engagement sessions Str 29/8

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

STAKEHOLDERS want Budget 2025 for Kuala Lumpur and Putrajaya to focus on entrepreneurs and petty traders as well as youth development.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa said these areas were the most talked about, based on feedback received during engagement sessions with the public.

"We gathered more than 2,280 responses from stakeholders via online and physical engagement sessions held in Kuala Lumpur and Putrajaya.

"In Kuala Lumpur, we received 480 responses from online sessions and 1,800 from physical sessions held at 11 parliamentary areas.

"We even had a specific engagement session for youths," she said during a press confer-

ence after the 2025 Kuala Lumpur and Putrajaya Budget engagement session at Putrajaya International Convention Centre (PICC) in Putrajaya.

More than 200 stakeholders attended the event organised by the Federal Territories Department.

Dr Zaliha said input received would be considered during the drafting process to improve on next year's budget proposal.

"The finance department of respective agencies will discuss the feedback gathered before drawing up a budget proposal for the Finance Ministry."

She said that the three Federal Territories would focus on developing liveable cities through the "CHASE" (clean, healthy, advanced, safe and eco-friendly city) vision.

"This initiative will drive sustainable development and support economic growth in all the Federal Territories."



(From second left) Dr Zaliha and Noridah talking to participants at the event. — AZHAR MAHFOF/The Star

She said there were two clusters that would contribute to the formation of "CHASE Cities".

"There is the Sejahtera @ WP cluster, which is aimed at restructuring the Federal Territories to be more inclusive and competitive while maximising urban management efficiency, as well as the 'Usaha Jaya Insan Programme' (Puji) which targets improving the socio-economic quality of the people through various forms of assistance," she elaborated.

Also present were Putrajaya Corporation president Datuk Fadlun Mak Ujud, JWP director-general Datuk Noridah Abdul

Rahim and Kuala Lumpur City Hall (DBKL) general (planning) director Datuk Zulkurnain Hassan.

Bukit Bandaraya Residents Association advisor Datuk M. Ali, who attended the engagement session in Lembah Pantai, said feedback on how to improve surrounding areas had been relayed to DBKL.

"We want DBKL's budget to focus more on better infrastructure and accessibility in Bangsar.

"This includes erecting a better pedestrian walkway to Bangsar LRT as well as a covered walkway to Pusat Bandar Damansara MRT station and the upgrading

of two recreational parks on Jalan Jejawi and Jalan Rumpai in Bangsar.

"We hope that these requests can be met for residents' benefit," he said.

During the engagement session in Cheras, a few residents associations highlighted the need for improved traffic management plans, better pedestrian accessibility as well as tree and infrastructure maintenance.

Residents groups also highlighted the need for more parks and greenery in Taman Supreme, Cheras, as the neighbourhood lacks recreational facilities.

THE STAR

Tarikh: 29 AUG 2024

CAR DISPOSAL SERVICE

Ampang Jaya Municipal Council is providing free car disposal services. Those who wish to dispose of their cars must transfer ownership of the vehicle to the council president. For details, visit intranet.mpaj.gov.my/spmkm, write to penguatkuasa@mpaj.gov.my, call 03-4285 7024 (Enforcement Department) or visit Menara MPAJ or its depots.

THE STAR

29 AUG 2024

Tarikh:.....

EPF: 635 directors barred from leaving Malaysia 31st 8/18

PETALING JAYA: The Employees Provident Fund (EPF) has submitted the names of 635 company directors to the Immigration Department, barring them from leaving Malaysia due to their failure to remit employees' contributions between January and June this year.

In a statement yesterday, the EPF said that the action was taken in accordance with Section 39 of the EPF Act 1991.

"Monthly contributions reflect employers' commitment to their employees' well-being and fulfilment of legal obligations, and the EPF will continue to enforce and monitor compliance to ensure that all outstanding

amounts are paid in full," it said.

As of June, a total of 13,820 employers, representing 2.02% of the 685,399 employers registered with the EPF, have failed to pay their employees' contributions.

"Meanwhile, 12,787 company directors have been barred from leaving the country due to unpaid contributions.

"Between January and June, 1,932 civil suits were filed against company directors, while 2,200 criminal cases were brought against employers who defaulted on their employee's monthly EPF contributions," it said.

EPF chief operating officer Szaliza Zainuddin said that failure to make timely EPF

contributions is a serious offence.

"The EPF will not hesitate to pursue legal remedies, including both civil and criminal actions, to protect employees' rights," he said.

Meanwhile, the EPF advised members to regularly check their accounts via the KWSP i-Akaun app to ensure their employers' contributions are accurate and timely.

"If there are any discrepancies, members should contact their employers immediately or report the issue to the EPF through the website at www.kwsp.gov.my or via the EPF Contact Management Centre at 03-8922 6000," it said. — Bernama

THE STAR

Friday: 2-9-AUG-2024

Jemaah Menteri putus
teruskan pelaksanaan,
tiada anjakan tarikh
kuat kuasa

PUTRAJAYA

Mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan kerangka kawal selia atau pelesenan perkhidmatan media sosial dan pesanan internet yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari tahun depan.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, perkara itu dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan barisan Jemaah Menteri.

"Kekal 1 Januari 2025 lesen bagi media sosial dan sistem pesanan internet berkuat kuasa. Tidak ada anjakan atau perubahan pada tarikh itu," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Tambahnya, dua bentuk perkhidmatan yang akan dilesenkan ialah media sosial serta sistem pesanan internet dan tidak melibatkan mana-mana aplikasi.

Sementara itu, Fahmi dalam hantaran di laman Facebooknya pada Rabu menyatakan bahawa Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(SKMM) terbuka untuk menerima sebarang input daripada pelbagai pihak berkaitan pelaksanaan pelesenan perkhidmatan media sosial dan pesanan internet oleh kerajaan itu.

Ujarnya, sesi libat urus akan diteruskan dengan semua pihak berkepentingan sebelum pelaksanaan lesen media sosial dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun depan.

Pada 26 Ogos lepas, persatuan yang mewakili syarikat internet dan teknologi terkemuka iaitu Gabungan Internet Asia (AIC) menggesa kerajaan agar menghentikan serta mempertimbangkan dengan teliti rancangan pelesenan untuk platform media sosial.

AIC, yang dianggotai antaranya Google, Meta, Amazon dan Grab, telah menghantar bantahan menerusi surat bertarikh 23 Ogos yang ditujukan kepada Perdana Menteri.

Kerangka bagi melesenkan media sosial dan pesanan internet diluluskan oleh Kabinet pada 8 Mac lepas.

Pelesenan media sosial kekal 1 Januari 2025

29/8 Sinar



FOTO: BERNAMA

Fahmi (tengah) ketika melakukan tinjauan persiapan menjelang sambutan Hari Kebangsaan 2024 pada raptai Hari Kedua Sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Dataran Putrajaya pada Rabu.

Pada 27 Julai lalu, SKMM mengumumkan bahawa semua perkhidmatan media sosial dan pesanan internet yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan juta pengguna berdaftar di Malaysia perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta

Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bermula 1 Januari 2025.

Kegagalan memperoleh lesen selepas tarikh kuat kuasa adalah satu kesalahan dan tindakan perundangan sewajarnya boleh diambil mengikut Akta 588. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: ...2...9...AUG...2024.....

Tawar hadiah lumayan kepada rakyat

Lebih 60,000
dijangka hadir, Siti
Nurhaliza antara
artis jemputan

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Lebih 60,000 rakyat Selangor dijangka memeriahkan pelbagai acara termasuk perbarisan dan perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada tahun ini.

Menurut Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Yazid Sairi, seperti tahun-tahun sebelumnya kerajaan negeri menganjurkan Sambutan Hari

Kebangsaan Kali ke-67 Peringkat Negeri Selangor pada setiap 30 Ogos bermula jam 8 malam.

"Majlis sambutan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam ini akan dirasmikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan akan turut dihadiri seluruh pimpinan tertinggi kerajaan Selangor," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Tahun ini Selangor mengangkat tema sama dengan kerajaan Persekutuan iaitu Jiwa Merdeka yang membawa maksud peralihan kesepaduan secara holistik negara maju dan progresif, menaungi rakyat berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati dirinya.

Jelasnya, kerajaan negeri turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik bermula seawal jam 4.50 petang hingga ke acara kemuncak pada detik tanggal 31 Ogos sebagai usaha menyemarakkan semangat patriotisme dan cinta terhadap negara.

Antara aktiviti buat pe-

ngunjung adalah majlis selawat dan qasidah diselenggarakan Jabatan Agama Islam Selangor; perarakan serta perbarisan; persembahan taktikal dan pentomen; pertunjukan bunga api dan laser serta persembahan artis terkenal.

"Pada tahun lepas kita mengundang Datuk Awie dan tahun ini kerajaan negeri membawakan artis terkemuka nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan kita juga ada penyanyi yang banyak menyanyikan lagu patriotik iaitu Faizal Tahir.

"Kita juga mengundang penyanyi bersuara sangat patriotik, Roy dan tidak lupa kumpulan muzik untuk orang muda iaitu Projector Band," ujarnya.

Selain itu ujarnya, penganjur juga mengadakan pertandingan



MOHD YAZID

teka kacang dalam balang khusus untuk semua pengunjung dengan tawaran hadiah lumayan berupa sebuah motosikal Honda ADV160 berharga RM14,000.

"Walaupun bo- rang pertandingan ini dibuat secara dalam talian namun pengunjung perlu hadir di tapak program dan

acara ini adalah antara acara yang menawarkan hadiah lumayan kepada rakyat Selangor sempena sambutan Hari Kebangsaan," ujarnya.

Dalam pada itu, pengunjung dinasihatkan untuk datang awal dan mematuhi peraturan pada setiap masa bagi melancarkan perjalanan majlis dan sentiasa menjaga keselamatan diri serta keluarga terutamanya kanak-kanak memandangkan jumlah pengunjung yang agak ramai.

"Bagaimanapun, pihak urus

setia menyediakan kemudahan tertentu seperti parkir, su- rau, tandas dan tempat makan untuk keselesaan pe- ngunjung," ujarnya.

Jelasnya, penganjuran program tersebut bermatlamat untuk meningkatkan semangat patriotisme, menghargai erti kemerdekaan dan menyemat rasa cinta akan keamanan se- laras dengan tema Hari Kebangsaan kerajaan Persekutuan pada tahun ini.

"Saya mewakili kerajaan Selangor menjemput semua rakyat Selangor dan sekitarnya untuk sama-sama hadir ke program ini sebagai lambang manifestasi meraikan sambutan Hari Kebangsaan ke-67.

"Pada program ini juga rak- yat berpeluang untuk me- ngenali dengan lebih dekat barisan pimpinan utama yang mentadbir kerajaan negeri se- lain inisiatif yang diperkenalkan khusus untuk warga Selangor," tambahnya.

SINAR HARIAN

29 AUG 2024

Tarikh:

Fenomena tandas awam dua darjat

20/8 8/2024

MENTERI Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming baru-baru ini mengumumkan 10,000 tandas awam di negara ini telah mencapai taraf BMW, iaitu singkatan Bersih, Menawan, Wangi.

Katanya, kejayaan menaik taraf tandas awam itu dicapai hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk sekolah, hotel dan restoran sejak tahun lalu.

Seperti kereta BMW yang mewah dan bergaya, jenama BMW tandas awam juga mampu meningkatkan imej negara khususnya di destinasi utama pelancongan mahupun pintu masuk negara. Ia juga meningkatkan persepsi positif rakyat terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT).

Malangnya, persepsi pelancong asing terhadap kebersihan tandas awam di Malaysia masih buruk. Dalam satu tinjauan *Sinar Harian*, rata-rata hanya memberi markah lima persepuluh. Malah ada dalam kalangan pelancong asing itu tidak pernah menggunakan tandas awam sepanjang berada di negara ini kerana berasa kurang selesa.

Hakikatnya, isu tandas kotor masih lagi menjadi cabaran buat Malaysia. Pada tahun 2022 sahaja sebanyak 5,241 tandas awam atau 20 peratus daripada 26,081 tandas awam di kawasan PBT adalah berstatus dua bintang dan ke bawah iaitu kurang bersih dan kotor.

Peraturan itu meliputi semua kategori tandas awam seperti milik PBT, kedai makan, pusat beli-belah, stesen minyak, rumah ibadat, hentian awam, pejabat kerajaan, pusat pelancongan, sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Dengan kata lain, tandas awam berstatus BMW masih belum separuh daripada keseluruhan jumlah tandas awam di negara ini, sekali gus menimbulkan persepsi dua darjat tandas awam.

Sungguhpun begitu, tandas kotor bukan salah PBT atau pemilik premis semata-mata, sebaliknya sikap rakyat Malaysia sendiri.

Mentaliti ada tukang cuci yang mendapat gaji untuk membersihkannya membuatkan ramai bersikap tidak kisah.

Mereka tidak peduli sama ada sampah dibuang ke dalam tong sampah, paip air tidak ditutup rapat atau tandas tidak dipam selepas digunakan.

Mentang-mentanglah mereka sudah bayar untuk menggunakan tandas, sudah menginap di hotel atau sudah makan di restoran, mereka fikir ada pekerja yang akan mencuci segala kekotoran yang mereka buat. Tolonglah!

'Jihad' terhadap kekotoran dan usaha menjadikan tandas kita bertaraf BMW adalah tanggungjawab semua.

SINAR HARIAN

Tarikh: 29 AUG 2024.....

Sosioekonomi terjejas jika media sosial tidak beroperasi

29/8 2024

SHAH ALAM - Malaysia berhadapan dengan 'kelumpuhan' jika syarikat internet dan teknologi mengambil pendekatan untuk tidak mematuhi rancangan pelesenan platform media sosial seperti yang mahu dilaksanakan kerajaan.

Ketua Kluster Penyelidikan (Teknologi Pintar dan Sistem) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Profesor Madya Dr Azwa Abdul Aziz berkata, sektor ekonomi, pendidikan dan akhbar negara dijangka mengalami kesulitan sekiranya media sosial tidak lagi beroperasi.

Menurutnya, platform media sosial kini beroperasi kerana mendapat kebenaran daripada kerajaan dan ia tidak lagi dapat digunakan sekiranya disekat.

"Sekiranya penyedia media sosial ini mengambil pendekatan untuk tidak patuh kepada arahan kerajaan (lesen media sosial) maka mereka tidak dibenarkan beroperasi. Ini memberi kesan berganda kepada negara.

"Kesan dimaksudkan adalah bisnes dan peniaga kecil yang mencari rezeki menggunakan media sosial tidak lagi dapat diteruskan. Keadaan itu akan menjejaskan pendapatan sekali gus menyekat keupayaan mereka bergelar usahawan tempatan," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Sebelum ini, persatuan yang mewakili syarikat internet dan teknologi ter-

kemuka, Asia Internet Coalition (AIC) menggesa kerajaan menghentikan dan mempertimbangkan dengan teliti rancangan mengenai pelesenan untuk platform media sosial.

Dalam pada itu, Azwa, keengganan tersebut akan membantutkan usaha guru dalam berkongsi ilmu pembelajaran menerusi alam maya.

"Corak pembelajaran kini telah berubah. Ramai pelajar menggunakan media sosial untuk mempelajari mata pelajaran yang kurang difahami.

"Ini kerana, ada guru menjadikan media sosial sebagai tempat untuk berkongsi formula pembelajaran yang mudah difahami," ujarnya.

Susulan itu, beliau menyarankan agar kerajaan dan syarikat internet serta teknologi untuk membincangkan

hal yang ingin dicapai.

Jelasnya, jika pelaksanaan pelesenan platform media sosial adalah bertujuan untuk mengawal peningkatan buli siber maka kerajaan boleh berbincang dengan penyedia terlibat berhubung tindakan yang boleh diambil.

"Dalam hal ini, perlu ada situasi 'menang-menang' untuk kedua-dua pihak. Kerajaan perlu duduk berbincang dengan syarikat internet dan teknologi terlebih dahulu sebelum melakukan langkah lain (wujud pelesenan platform media sosial)," ujarnya.



AZWA

SINAR HARIAN

Tarikh: 29 AUG 2024

Syarikat penerbangan perlu buat bayaran balik secara penuh berkuat kuasa Isnin depan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Bayar balik jika lewat lima jam

29/8 Isnin

Syarikat penerbangan kini dikehendaki menawarkan pengguna pilihan bayaran balik sepenuhnya sekiranya mengalami kelewatan penerbangan selama lima jam dan lebih berkuat kuasa Isnin depan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, pembayaran perlu dilunaskan syarikat penerbangan dalam tempoh 30 hari sekiranya pelanggan memilih untuk tidak meneruskan perjalanan akibat kelewatan lima jam dan lebih.

"MoT melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah tambah baik Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (MACPC) yang akan memberi perlindungan pengguna lebih baik," katanya menerusi sidang akhbar pasca Kabinet di sini pada Rabu.

Menurutnya, syarikat penerbangan dikehendaki terlebih dahulu menawarkan bayaran balik dalam mod bayaran asal sekiranya mengalami gangguan penerbangan disebabkan oleh keadaan luar biasa.

"Syarikat penerbangan juga boleh menawarkan mod bayaran balik alternatif seperti baucar perjalanan atau *credit shell*."

"Bagaimanapun, pengguna mempunyai hak untuk memilih mod bayaran balik yang mereka kehendaki," jelas beliau.

Ujar Anthony, semua penerbang-

an yang dibatalkan mesti dikeluarkan daripada semua sistem penempahan termasuk platform ejen pelancongan dalam dan luar talian.

"Ini untuk melindungi pengguna supaya tidak membeli tiket penerbangan yang telah dibatalkan," katanya.

Tambah beliau, sebarang perubahan dalam Waktu Perlepasan yang Dijadualkan (STD) mesti dimaklumkan kepada pengguna sekurang-kurangnya dua minggu sebelum waktu pelepasan sebenar melainkan ia disebabkan oleh hal keadaan luar biasa atau masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan.

"Peruntukan ini akan berkuat kuasa pada Januari 2025," katanya.

Selain itu katanya, turut ditambah baik adalah had masa untuk pengguna mengemukakan aduan dilanjutkan dari satu kepada dua tahun.

"MACPC merupakan kod perlindungan pertama yang khusus buat pengguna industri penerbangan

Malaysia.

"Kod ini memberikan ketelusan mengenai kewajipan syarikat penerbangan terhadap pengguna dan panduan yang lebih jelas terhadap hak dan kepentingan mereka apabila berlakunya gangguan penerbangan," katanya.

Jelas beliau, dengan penambahan itu, pengguna penerbangan boleh mendapat jaminan perlindungan yang dipertingkatkan untuk perjalanan udara.

"MAVCOM juga akan meneruskan pengawasan terhadap prestasi syarikat penerbangan untuk memastikan pematuhan pada penanda aras industri yang telah ditetapkan bagi manfaat pengguna."

"Kegagalan mematuhi MACPC boleh dikenakan penalti kewangan sehingga RM200,000 dan dalam kes ketidakpatuhan kedua atau seterusnya, jumlah 10 kali ganda daripada penalti kewangan pertama akan dikenakan," katanya.



Anthony (kanan) ketika sidang media mengenai Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2024 di Kementerian Pengangkutan pada Rabu.

SINAR HARIAN
29 AUG 2024

Tarikh:

Kuala Lumpur

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengemukakan 635 nama pengarah syarikat kepada Jabatan Imigresen antara Januari dan Jun 2024 untuk menghalang mereka meninggalkan Malaysia selagi belum menjelaskan terlebih dahulu tunggakan caruman KWSP seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39 Akta KWSP 1991.

Ketua Pegawai Operasi KWSP Saizalza Zainuddin berkata, KWSP mengingatkan semua majikan untuk membayar caruman pekerja mereka dengan segera seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 43(1) Akta KWSP.

"Kegagalan membayar caruman KWSP pada masanya merupakan satu kesalahan serius dan KWSP tidak akan teragak-agak untuk menggunakan penyelesaian undang-undang terhadap majikan yang ingkar, termasuk tindakan sivil dan jenayah, untuk melindungi hak pekerja," katanya dalam satu kenyataan.

Caruman bulanan menunjukkan komitmen majikan terhadap kesejahteraan pekerja dan bagi memenuhi kewajipan undang-undang.

KWSP akan terus menguatkuasa dan memantau majikan untuk memastikan semua jumlah tertunggak dibayar sepenuhnya.

Sehingga Jun 2024, sejumlah 13,820 majikan, atau 2.02 peratus daripada keseluruhan 685,399 majikan yang berdaftar dengan KWSP gagal untuk membayar caruman pekerja mereka.

Bagi tempoh yang sama, seramai 12,787 pengarah



PIHAK KWSP akan terus menguatkuasa dan memantau majikan untuk memastikan semua jumlah tertunggak dibayar.

KWSP

13,820 MAJIKAN GAGAL BAYAR CARUMAN PEKERJA

HM
29/8

syarikat sudah dihalang keluar negara akibat tunggakan caruman, seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39 Akta KWSP 1991.

Dalam tempoh antara Januari dan Jun 2024, 1,932 saman sivil difailkan terhadap pen-

garah syarikat manakala 2,200 kes jenayah difailkan terhadap majikan yang ingkar caruman KWSP bulanan pekerja mereka.

KWSP menasihati ahli agar menyemak akaun KWSP mereka secara berkala melalui aplikasi KWSP i-Akaun

untuk memastikan caruman daripada majikan mereka dibayar dengan tepat jumlahnya dan pada masanya.

Sekiranya terdapat percanggahan, ahli hendaklah menghubungi majikan mereka dengan segera atau melaporkan kepada KWSP melalui laman web KWSP di www.kwsp.gov.my, atau menghubungi Pusat Pe-

ngurusan Perhubungan KWSP di talian 03-8922 6000.

Di samping itu, KWSP amat menggalakkan majikan untuk menggunakan platform KWSP i-Akaun yang membolehkan mereka menyemak dengan selamat senarai pekerja bagi caruman yang telah dibayar serta sejarah pembayaran mereka.

12,787 pengarah
syarikat dihalang
keluar negara akibat
tunggakan caruman

HARIAN METRO
Tarikh: 29 AUG 2024



KOLEKSI keris dan perisai zaman dahulu yang dipamerkan di Muzium Sejarah, Bukit Melawati, Kuala Selangor. - AFIQ RAZALI



KETULAN timah pelbagai bentuk yang berfungsi sebagai mata wang pada suatu ketika dahulu.

Oleh SITI SARAH NURUL LIYANA

PANORAMA Selat Melaka jelas kelihatan dari hadapan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor (Muzium Sejarah) di Bukit Melawati, Kuala Selangor. Kawasan tersebut merupakan pusat pentadbiran dan kubu kuat Kesultanan Selangor pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19.

Bangunan muzium itu merupakan sebuah bangunan lama yang asalnya kediaman rasmi Pegawai Daerah Kuala Selangor. Muzium bersejarah itu menghimpunkan segala maklumat berhubung Kuala Selangor sebagai pusat pentadbiran kerajaan Selangor terawal.

Di situ, pengunjung bakal menyaksikan kisah permulaan Institusi Kesultanan Selangor yang diasaskan oleh Raja Lumu (Sultan Salehuddin) pada tahun 1766.

Menurut Ketua Muzium Daerah Kuala Selangor, Mohd. Ismail Boiran berkata, penubuhan muzium itu merupakan inisiatif Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (Padat) dan kerajaan negeri.

"Pameran muzium ini menyediakan tujuh seksyen yang menerangkan secara kronologi sejarah daerah Kuala Selangor.

"Teknik pameran yang interaktif dengan penggunaan info kios, diorama dan audio visual dapat membantu pemahaman para pengunjung," katanya.

Pada seksyen pertama, para pengunjung berpeluang memahami sejarah Kuala Selangor dan lapan daerah lain di negeri itu.

Selain itu, ia menceritakan mengenai kepelbagaian etnik yang tinggal di Kuala Selangor pada awal kewujudannya.

Pada seksyen kedua, pameran menumpukan mengenai sejarah Selangor seperti asal usul nama negeri dan latar belakang penduduk awal di Kuala Selangor.

Untuk pengetahuan, penduduk asal dalam pemerintahan kerajaan negeri Selangor adalah 'orang laut' atau nelayan.

Melangkah ke seksyen seterusnya, pengunjung disajikan dengan perkembangan Selangor sebagai sebuah

Peluang kenali sejarah pemerintahan Selangor

Bermula dari kedatangan dan penglibatan orang Bugis di Kuala Selangor diikuti peperangan Sultan Ibrahim menentang Belanda.

Tambah Mohd. Ismail, semasa Belanda menduduki Kuala Selangor, kota lama berkenaan ditambah beberapa pucuk meriam, sebelum dinamakan Fort Altingsburg.

"Sebuah kubu telah dibina di atas bukit bagi melindungi wilayah Selangor daripada Belanda yang telah menjajah pelabuhan perdagangan Melaka pada ketika itu.

"Bagaimanapun, penceroboh Barat berjaya menawan kubu itu dan menamakannya Fort Altingsburg. Namun, kawasan tersebut berjaya ditawan semula oleh sultan," katanya.

Ruangan tersebut turut menyertakan salasilah keturunan Sultan Selangor sejak pemerintahan yang berpusat di Kuala Selangor sehingga berpindah ke Jugra.



MUZIUM Sejarah sentiasa menjadi tumpuan para pelawat.

Baghailan keenam pula menerangkan tentang sejarah Kuala Selangor yang terkenal sebagai kota pertahanan ketika zaman kegemilangannya. Sementara seksyen terakhir menceritakan mengenai tinggalan sejarah yang masih terdapat di Bukit Melawati sehingga hari ini.

"Muzium ini dibuka setiap hari dari

9.30 pagi hingga 5.30 petang. Harga tiket serendah RM3 dikenakan kepada pengunjung tempatan dan RM8 untuk pelancong luar negara.

Tiada bayaran dikenakan kepada kanak-kanak bawah 12 tahun, warga emas serta orang kelainan upaya," katanya.



Di luar muzium, terdapat beberapa pucuk meriam yang pernah digunakan oleh penjajah Belanda.

KOSMO

29 AUG 2024

Tarikh:

Oleh SITI SARAH NURUL LIYANA

SAMBUTAN Hari Kemerdekaan merupakan antara acara yang sangat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia pada setiap tahun.

Rata-rata pengunjung menantikan perarakan pelbagai kontinjen yang penuh warna-warni, jentera serta aset keselamatan negara.

Selain itu, terdapat persembahan muzikal, sekali gus menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan yang dikecapi sejak 1957. Pada edisi kali ini, Dataran Putrajaya sekali lagi menjadi lokasi sambutan yang bertemakan *Malaysia Madani: Jiwa Merdeka*.

Jadi, *Horizon* ingin berkongsi tip persediaan menonton perarakan Hari Kemerdekaan ke-67 pada Sabtu ini.



ORANG ramai dijangka memenuhi Dataran Putrajaya bagi menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan ke-67 pada Sabtu ini. - GAMBAR HIASAN

Persediaan menonton perarakan merdeka

29/8
KOSMO



PARA pengunjung tidak melepaskan peluang merakam memori indah menggunakan telefon pintar masing-masing. - GAMBAR HIASAN

2 Bersedia dengan cuaca tidak menentu

Bagi mereka yang mahu bermalam di dataran, pastikan anda membawa baju hujan atau payung kerana keadaan cuaca tidak menentu.

Biar pun ada pihak yang menjual barangan tersebut di lokasi perarakan, namun harganya pasti jauh lebih tinggi.

Tidak lupa juga bawa kipas tangan dan pakai topi kerana anda berkemungkinan akan terdedah dengan cuaca panas pada hari perarakan.

3 Bawa bekalan air atau makanan sampingan

Meskipun akan ada trak makanan di kawasan dataran, namun lokasinya agak jauh dari tempat perarakan. Anda pasti tidak mahu meninggalkan tempat duduk kerana khuatir orang lain akan ambil tempat tersebut.

Nasihat kami, lebih baik anda beli makanan dan minuman sebelum cari tempat duduk.

4 Jangan lupa power bank

Tidak lengkap kehadiran ke sambutan Merdeka sekiranya tidak merakam memori indah perarakan dan persembahan.

Justeru, jangan lupa bawa power bank kerana anda akan berada di dataran dalam jangka masa panjang.

Pastikan ruang simpanan telefon anda mencukupi supaya boleh merakam banyak gambar dan video pada hari tersebut.

PELBAGAI aksi menarik bakal ditampilkan oleh peserta perarakan. - GAMBAR HIASAN



PERTUNJUKAN udara merupakan salah satu tarikan ketika sambutan hari merdeka. - GAMBAR HIASAN

5 Pantau pergerakan keluarga dan rakan

Lazimnya, sukar untuk mendapat signal telekomunikasi apabila berada dalam lautan manusia. Atas dasar itu, pastikan anda dan keluarga sentiasa berkomunikasi sebelum meninggalkan tempat duduk. Pastikan juga anda mengawasi anak-anak.



KOSMO

Tarikh: 29 AUG 2024

Matrade optimis kolaborasi perkukuh teknologi AI

KUALA LUMPUR - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) optimis jalinan kerjasama antara Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (Koprojaya) dan Smart Meal Group Holding Sdn. Bhd. (Smart Meal) dalam memperkukuh teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi urusan perdagangan.

Pengerusinya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, ia menjadi sebahagian usaha Matrade untuk menerapkan penggunaan teknologi khususnya di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC).

"Sejak saya diberi amanah menjadi Pengerusi Matrade, saya dapati adaptasi kepada teknologi



AMRAN (tengah) dan Pengerusi Koprojaya, Saiful Azhar Shaharun (kanan) pada Majlis Perasmian Outlet Panas Express di MITEC semalam.

amat penting. Sebab itu, antara inisiatif kami adalah memastikan Matrade selari dengan perkembangan teknologi yang ada.

"Perkara itu selaras dengan pengiktirafan diterima MITEC sebagai pusat persidangan terbaik Asia 2023," katanya semalam.

Teks ucapan Reezal dibacakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi (SKM), Amran Abdul Kadir ketika Majlis Pelancaran Kios Panas Express, iaitu kedai serbaneka berkonsepkan AI tanpa pekerja, di MITEC, di sini.

Kios Panas Express merupakan sebahagian daripada kerjasama antara Koprojaya dan Smart Meal.

Reezal Merican berkata, Ma-

trade selaku pemilik MITEC mengalu-alukan inisiatif kedua-dua pihak terbabit yang membuktikan sokongan terhadap agenda kerajaan untuk memperkasakan teknologi AI.

"Saya puji kerjasama strategik Koprojaya yang ada 'speed' dan 'adapt' dengan perkembangan semasa. Ini membuktikan 'orang-orang gomen' berkebolehan untuk bawa perkembangan teknologi menjadi realiti.

"Keupayaan ini tentunya disokong agensi-agensi kerajaan seperti SKM serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menjadi tulang belakang terhadap perkembangan koperasi di Malaysia," tambahnya.

KOSMO

tarikh: 29 AUG 2024



ISSA 2024 jadi platform terbaik jaga kebajikan semua pekerja

Bantu bina ekonomi lebih adil

KUALA LUMPUR — Seminar Teknikal Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) 2024 anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjadi platform terbaik bagi memformalkan sektor gig, seterusnya memelihara hak pekerja menerusi perlindungan undang-undang.

Dalam konteks ini, seminar bertaraf antarabangsa itu mampu menjadi 'batu lonjatan' bagi membuka jalan membina dasar komprehensif seterusnya menjaga kebajikan pekerja gig khususnya 3.15 juta rakyat Malaysia yang bekerja sendiri.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, misi ISSA 2024 bukan sahaja membantu membina ekonomi gig lebih adil, sebaliknya berupaya merapatkan jurang antara sektor formal dan tidak formal dalam pasaran buruh semasa.

Menurut Ahmad Zahid, sebagai langkah signifikan memformalkan ekonomi gig, Malaysia kini merencanakan strategi semasa meliputi kewujudan perlindungan undang-undang dan hak jelas bagi pekerja gig.

Katanya, perlindungan undang-undang dan hak pekerja itu dilaksanakan melalui pembentukan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM) yang mana rang undang-undang (RUU) berkaitan dijangka dibentangkan di Parlimen Oktober ini.

"Secara dasarnya, Malaysia kini proaktif dalam penubuhan Akta Pekerja Gig yang berfokuskan kepada p-hailing dan e-hailing.

"Akta baharu yang diterajui Kementerian Sumber Manusia merupakan langkah perintis, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara terawal memperkenalkan akta melindungi kepentingan pekerja gig," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap bagi merasmikan Seminar Teknikal ISSA 2024 di Pusat Dagangan Dunia di sini kelmarin.

Turut hadir Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Khairul Dzalmee Daud dan Presiden ISSA yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.



AHMAD ZAHID (tengah), Steven Sim (dua dari kiri) bersama Abdul Rahman (dua dari kanan) dan Dr. Mohammed Azman (kanan) serta Khairul Dzalmee pada majlis pelancaran ISSA 2024 di Kuala Lumpur kelmarin.



“Secara dasarnya, Malaysia kini proaktif dalam penubuhan Akta Pekerja Gig yang berfokuskan kepada p-hailing dan e-hailing.”

AHMAD ZAHID

Seminar Teknikal ISSA 2024 diadakan selama dua hari bermula Selasa yang turut dihadiri wakil daripada 25 negara antarabangsa memberi tumpuan kepada perbincangan mewujudkan masa depan lebih terjamin kepada pemain industri gig.

Bertemakan 'Perlindungan Sosial bagi Individu Bekerja Sendiri dan Pekerja Platform', dialog antarabangsa itu turut bertujuan mencapai beberapa objektif utama antaranya meningkatkan kesedaran berhubung inisiatif dijalankan PERKESO dan rakan kongsi keselamatan sosial lain.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berkata, pekerja gig juga bakal diberikan pilihan penjagaan kesihatan dan insurans yang berpatutan melalui skim keselamatan sosial komprehensif diuruskan PERKESO.

"Kami juga berhasrat memupuk literasi kewangan, simpanan persaraan selain menawarkan program pembangunan dan latihan kemahiran berterusan yang menggalakkan pertumbuhan mampan pekerja gig," katanya.

Untuk rekod, data sehingga Ogos mendedahkan bahawa 25.1 peratus atau 3.15 juta daripada 12.56 juta tenaga kerja Malaysia adalah pekerja sendiri termasuk

kira-kira 1.5 juta pekerja bebas.

Bagaimanapun, hanya 21.58 peratus atau 679,830 individu bekerja sendiri mempunyai perlindungan PERKESO yang aktif dengan 32.78 peratus (222,876 orang) adalah pekerja gig.

"Angka itu menzahirkan jurang ketara dalam perlindungan sosial sebahagian besar tenaga kerja kita yang sentiasa berubah, sekali gus memperlihatkan keperluan mendesak untuk perlindungan pekerja gig," ujarnya lagi.

Sementara itu, Steven Sim menjelaskan, akta pekerja baharu bagi melindungi keselamatan pemain industri gig yang akan diwujudkan kelak bakal menggariskan sebanyak empat teras utama.

Menurut beliau, empat teras itu merangkumi definisi pekerja gig atau pekerja platform; pampasan minimum dalam bentuk pendapatan buat pekerja p-hailing dan e-hailing selain mekanisme aduan dan perlindungan keselamatan sosial terutama dalam hal insurans sosial serta pencen.

Dalam perkembangan sama, katanya, kerajaan juga bercadang membentangkan RUU tersebut di Parlimen menjelang hujung tahun ini.

"Kementerian baru saja selesai mengadakan bengkel pengguba-

lan RUU pada bulan ini. Rangka awal akta yang dicadangkan sudah pun dibangunkan.

"Dalam beberapa bulan akan datang, Kementerian akan mengadakan rundingan dengan pihak berkepentingan lain termasuk Kementerian berkaitan, agensi, wakil daripada kesatuan sekerja dan persatuan pekerja gig.

"Rundingan termasuk dengan wakil majikan dan pengendali platform, serta kumpulan berkepentingan lain mengenai rang undang-undang baharu ini," katanya.

Jelasnya, RUU itu disifatkan sebagai usaha menyeluruh kerajaan untuk memastikan ekosistem pekerjaan baik, seterusnya memberi perlindungan kepada kira-kira 1.1 juta daripada tiga juta orang yang bekerja sendiri di negara ini.

"Harapan saya adalah negara seperti Malaysia berusaha mengemas kini perundangan buruh berkaitan ekonomi abad ke-21 ini.

"Jadi, ISSA dapat memainkan peranan bukan saja dalam menyediakan panduan dan idea, tetapi berkongsi amalan membantu kerajaan membentuk perundangan serta dasar tempatan mengikut acuan sendiri," katanya.

KOSMO

29 AUG 2024

Tarikh:

Tunggakan caruman KWSP

635 pengarah kena sekatan perjalanan ke luar negara

BH 29/8

Ahli diminta semak akaun secara berkala pastikan caruman dibayar ikut masa, jumlah tepat

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengemukakan 635 nama pengarah syarikat kepada Jabatan Imigresen antara Januari dan Jun 2024 untuk menghalang mereka meninggalkan Malaysia selagi belum menjelaskan terlebih dahulu tunggakan caruman KWSP, seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39 Akta KWSP 1991.

Ketua Pegawai Operasi KWSP, Sazaliza Zainuddin, berkata KWSP mengingatkan semua majikan untuk membayar caruman pekerja mereka dengan segera



Ahli perlu semak akaun KWSP bagi memastikan majikan membuat caruman setiap bulan.

(Foto hiasan)

seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 43(1) Akta KWSP.

"Kegagalan membayar caruman KWSP pada masanya adalah satu kesalahan serius dan KWSP tidak akan teragak-agak untuk

menggunakan penyelesaian undang-undang terhadap majikan yang ingkar, termasuk tindakan sivil dan jenayah, untuk melindungi hak pekerja," katanya dalam kenyataan.

Caruman bulanan menunjukkan komitmen majikan terhadap kesejahteraan pekerja dan bagi memenuhi kewajipan undang-undang.

Pantau majikan

KWSP akan terus menguat kuasa dan memantau majikan untuk memastikan semua jumlah tertunggak dibayar sepenuhnya.

Sehingga Jun 2024, sejumlah 13,820 majikan atau 2.02 peratus daripada keseluruhan 685,399 majikan yang berdaftar dengan KWSP gagal membayar caruman pekerja mereka.

Bagi tempoh yang sama, 12,787 pengarah syarikat dihalang keluar negara akibat tunggakan caruman seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 39 Akta KWSP 1991.

Dalam tempoh antara Januari dan Jun 2024, sebanyak 1,932 saman sivil sudah difailkan terhadap pengarah syarikat, manakala 2,200 kes jenayah difailkan terhadap majikan yang ingkar caruman KWSP bulanan pekerja mereka.

KWSP menasihati ahli agar menyemak akaun KWSP mereka secara berkala melalui aplikasi

KWSP akan terus menguat kuasa dan memantau majikan untuk memastikan semua jumlah tertunggak dibayar sepenuhnya.

Sazaliza Zainuddin,
Ketua Pegawai
Operasi KWSP



KWSP i-Akaun untuk memastikan caruman daripada majikan mereka dibayar dengan tepat jumlahnya dan pada masanya.

Sekiranya terdapat percanggahan, ahli hendaklah menghubungi majikan mereka dengan segera atau melaporkan kepada KWSP melalui laman web KWSP di www.kwsp.gov.my, atau menghubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di 03-8922 6000.

Di samping itu, KWSP amat menggalakkan majikan menggunakan platform KWSP i-Akaun membolehkan mereka menyemak dengan selamat senarai pekerja bagi caruman yang dibayar serta sejarah pembayaran mereka.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 29 AUG 2024

Datuk Bandar minta DBKL, IWK periksa paip kumbahan

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM, HAFIZ SAIDINA**
dan **SAFINA RAMLI**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Indah Water Konsortium (IWK) diminta memeriksa paip kumbahan di lokasi insiden tanah mendap terbaharu yang berlaku berdekatan Pondok Polis di Jalan Masjid India di sini awak pagi semalam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd Sharif berkata, kawasan kejadian tanah mendap yang berlaku kira-kira 2.30 pagi tadi itu kini ditutup menggunakan tali keselamatan dan penghadang air sebagai langkah keselamatan.

"Kami akan terus bekerjasama erat dengan IWK serta agensi lain bagi memastikan tindakan susulan yang berterusan dan

menyeluruh dilaksanakan untuk mencegah kejadian serupa dari pada berlaku pada masa hadapan.

"Keselamatan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur ialah keutamaan kami. DBKL akan terus memantau keadaan ini dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan keselamatan awam," katanya dalam kenyataan semalam.

Kejadian terbaharu itu dikesan kira-kira 50 meter dari lokasi kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India baru-baru ini yang menyaksikan seorang wanita warga India terjatuh ke dalam lubang tersebut dan sehingga kini belum ditemui.

Sementara itu, di George Town: Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa tindakan lebih menyeluruh diambil bagi memastikan keselamatan awam ekoran kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India, Jumaat lalu.

Presidennya, R. Meenakshi berkata, kejadian lubang benam itu boleh terjadi di semua kawasan berisiko tinggi di Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, beliau menyokong saranan sesetengah pihak agar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan peta bawah tanah bandar selain membuat pendedahan awam mengenai langkah-langkah mitigasi dan keselamatan yang sedang diambil.

"Situasi ini sememangnya membimbangkan tentang keadaan keselamatan awam di kawasan tersebut serta di bahagian lain Kuala Lumpur.

"Ini kerana kawasan tersebut bukan sahaja terdedah kepada lubang benam dan penurunan tanah tetapi juga kepada banjir kilat, tanah runtuh dan kegagalan cerun akibat musim hujan lebat pada masa ini," katanya semalam.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 29 AUG 2024



KENAIKAN gaji penjawat awam perlu ditimbal balik dengan perkhidmatan yang cemerlang.

Gaji naik: Cabaran penjawat awam baiki perkhidmatan

SAUDARA PENGARANG,

DALAM konteks peningkatan gaji penjawat awam yang diumumkan baru-baru ini, terdapat tanggungjawab besar dalam memperbaiki mutu perkhidmatan yang disediakan.

Sering kali kita mendengar rungutan tentang penjawat awam yang kurang memahami erti sebenar peningkatan kualiti perkhidmatan. Kebiasaannya, mereka ini melakukan kerja sekadar melepaskan batok di tangga dan lebih cenderung mengambil masa rehat yang lebih.

Selain itu, keengganan untuk melakukan pembaharuan dalam prosedur kerja begitu ketara. Alasan yang diberikan tidak masuk akal, seperti ketiadaan individu yang bertanggungjawab untuk menandatangani dokumen atau berlakunya lambakan permohonan dan sebagainya. Alasan yang seumpama ini menunjukkan ketidakcekapan yang serius dalam pengurusan dan pemrosesan tugas yang boleh menjejaskan persepsi awam terhadap sektor kerajaan.

